


# 6H5M SRI LANKA



**MENIKMATI PEMANDUAN YANG MENARIK DI TAMAN NEGARA YALA DAN MELIHAT HAIWAN BERKELIARAN BEBAS DI ALAM LIAR. IA MERUPAKAN TAMAN NEGARA YANG PALING BANYAK DIKUNJUNGI DAN KEDUA TERBESAR DI NEGARA SRI LANKA.**

# 6H5M SRI LANKA



## HARI 01 KUALA LUMPUR - COLOMBO - KANDY

MT/MM

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Colombo.

Tiba di Colombo & menuju ke Kandy:

- Melawat **Pinnawala Elephant Orphanage** yang terletak di perkampungan Pinnawala, kira-kira 90 kilometer dari Colombo, Sri Lanka. Ditubuhkan pada tahun 1975 oleh Jabatan Pemuliharaan Hidupan Liar Sri Lanka, pusat ini bertujuan untuk menyediakan penjagaan dan perlindungan kepada anak gajah yang terbiar dan tercedera yang ditemui di hutan Sri Lanka.
- **Pertunjukan Tarian Kandyan** adalah persembahan budaya tradisional Sri Lanka yang memukau, menampilkan pelbagai bentuk tarian dan muzik dari seluruh negara. Pertunjukan ini biasanya berlangsung di bandar Kandy dan menjadi tarikan utama bagi pelancong yang ingin menyaksikan warisan budaya Sri Lanka yang kaya.
- Melawat **Tasik Kandy** yang dikenali sebagai "Sea of Milk" ialah tasik buatan manusia yang terletak di tengah-tengah bandar Kandy, Sri Lanka. Ia dibina pada tahun 1807 oleh Raja Sri Wickrama Rajasinghe, raja terakhir kerajaan Kandy.
- **Kandy Viewpoint**, juga dikenali sebagai Arthur's Seat, merupakan lokasi popular yang menawarkan pemandangan panoramik bandar Kandy, Sri Lanka. Terletak di Rajapihilla Mawatha, kira-kira 550 meter di atas paras laut, dari sini anda dapat melihat Tasik Kandy, Kuil Gigi Buddha (Sri Dalada Maligawa), dan pusat bandar Kandy.

Bermalam di **Kandy**.

## HARI 02 KANDY - NUWARA ELIYA

SP/MT/MM

Bertolak ke Nuwara Eliya.

Lawatan di **Nuwara Eliya**:

- Nuwara Eliya, dikenali sebagai "Little England" di Sri Lanka, terkenal dengan ladang teh nya yang luas dan berkualiti tinggi. Iklim sejuk dan tanah tinggi di kawasan ini menyediakan persekitaran ideal untuk penanaman teh, menjadikannya destinasi utama bagi penggemar teh dan pelancong yang ingin mendalami proses penghasilan teh. Melawat **Ladang Teh di Nuwara Eliya** bukan sahaja memberikan pengalaman pendidikan tentang pengeluaran teh, tetapi juga peluang untuk menikmati keindahan landskap dan budaya tempatan.
- Bersiar-siar di sekitar **Tasik Gregory** yang terkenal di Nuwara Eliya, & melawat di sekitar Bandar Nuwara Eliya yang indah.
- **Victoria Park** ialah taman awam yang terletak di tengah-tengah bandar Nuwara Eliya, Sri Lanka, bersebelahan dengan Pejabat Pos Nuwara Eliya. Taman seluas 27 ekar ini dinamakan sempena Ratu Victoria pada tahun 1897 untuk memperingati Jubli Intan nya. Taman ini terkenal dengan landskap yang terjaga rapi, menampilkan pelbagai jenis bunga dan pokok, menjadikannya tempat yang sesuai untuk berjalan santai dan fotografi.

Bermalam di **Nuwara Eliya**.

## HARI 03 NUWARA ELIYA - ELLA - KATHARAGAMA

SP/MT/MM

- Perjalanan **Scenic Train Ride** dari Kandy ke Ella di Sri Lanka terkenal sebagai salah satu perjalanan kereta api paling indah di dunia. Sepanjang perjalanan ini, penumpang akan disajikan dengan pemandangan ladang teh yang menghijau, pergunungan berkabus, air terjun yang menawan, dan kampung-kampung tradisional.

- **Ravana Cave** terletak di luar bandar Ella & berketinggian 1370 meter di atas paras laut. Ia adalah salah satu tarikan pelancongan yang paling penting dalam sejarah Sri Lanka. Gua Ravana bukan sahaja menawarkan pengalaman mendaki yang mencabar tetapi juga memberikan wawasan mendalam tentang sejarah dan mitologi Sri Lanka. Meneruskan perjalanan ke Yala.

Bermalam di **Yala**.

## HARI 04 YALA - GALLE

SP/MT/MM

- Tetamu bebas melakukan aktiviti bebas di kawasan sekitar.

**Lawatan tambahan:**

- **Yala Safari:** RM280 seorang termasuk pengangkutan dan tiket masuk.

- **Fort Galle**, yang terletak di bandar Galle di pantai barat daya Sri Lanka, adalah tapak Warisan Dunia UNESCO yang terkenal dengan seni bina kolonial yang terpelihara dengan baik dan sejarah yang kaya.
- **Galle Lighthouse** juga dikenali sebagai Pointe de Galle Light, merupakan rumah api tertua di Sri Lanka yang terletak di dalam kawasan Benteng Galle, sebuah Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Bermalam di **Koggala, Galle**.

## HARI 05 GALLE - COLOMBO

SP/MT/MM

Bertolak ke Colombo.

Lawatan di **Colombo**:

- **Independence Square:** Ia merupakan tapak bersejarah yang penting, dibina untuk memperingati kemerdekaan Sri Lanka daripada pemerintahan British pada 4 Februari 1948. Dataran ini menempatkan Dewan Memorial Kemerdekaan (Independence Memorial Hall), sebuah monumen nasional yang menjadi simbol kebebasan negara. Dataran Kemerdekaan juga menjadi lokasi bagi pelbagai acara rasmi dan perayaan nasional, termasuk sambutan Hari Kemerdekaan Sri Lanka. Ia berfungsi sebagai tempat perhimpunan untuk upacara penting dan peristiwa bersejarah negara.
- **Red Mosque:** Masjid Jami Ul-Alfar, yang lebih dikenali sebagai Masjid Merah, merupakan salah satu mercu tanda bersejarah dan ikonik di Colombo, Sri Lanka. Terletak di kawasan Pettah yang sibuk, masjid ini terkenal dengan seni binanya yang unik dan berwarna merah-putih yang menarik perhatian.

Bermalam di **Colombo**.

## HARI 06 COLOMBO - KUALA LUMPUR

SP

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

## PERTUKARAN MATA WANG



**SRI LANKAN RUPEE**  
LRK 100 = RM 1.50



## PERBEZAAN WAKTU

Sri Lanka: GMT+5.30 Malaysia: GMT+8



### Musim Panas:

Mei - Jun



### Musim Luruh:

Okt - November



### Musim Sejuk:

Disember - April



### Musim Bunga:

Jun - Sept

## Sri Lanka



# TOUR HIGHLIGHTS

1.



## PINNAWALA ELEPHANT ORPHANAGE

Terletak di perkampungan Pinnawala dan ditubuhkan bertujuan untuk menyediakan penjagaan dan perlindungan kepada anak gajah yang terbiar dan tercedera yang ditemui di hutan Sri Lanka.

2.



## SCENIC TRAIN KANDY - ELLA

Perjalanan kereta api dari Kandy ke Ella di Sri Lanka terkenal sebagai salah satu perjalanan kereta api paling indah di dunia kerana pemandangan ladang teh yang menghijau, pergunungan berkabus, air terjun yang menawan, dan kampung-kampung tradisional.

3.



## NATIONAL PARK YALA

Merupakan taman negara yang paling banyak dikunjungi dan kedua terbesar di negara Sri Lanka. Yala terkenal dengan ekosistemnya yang pelbagai, termasuk hutan monsun lembap, padang rumput, dan kawasan paya marin.

4.



## FORT GALLE

Terletak di bandar Galle di pantai barat daya Sri Lanka, adalah tapak Warisan Dunia UNESCO yang terkenal dengan seni bina kolonial yang terpelihara dengan baik dan sejarah yang kaya.

## Hotel Penginapan 3\* Hotel

| BANDAR       | BIL. MALAM |
|--------------|------------|
| Colomba      | 1 Mlm      |
| Kandy        | 1 Mlm      |
| Nuwara Eliya | 1 Mlm      |
| Yala         | 1 Mlm      |
| Kongala      | 1 Mlm      |



## Jadual Penerbangan

| HARI | PESAWAT | SEKTOR    | ETD  | ETA  |
|------|---------|-----------|------|------|
| 1    | UL 319  | KUL - CMB | 0850 | 0955 |
| 6    | UL 314  | CMB - KUL | 0740 | 1400 |
| 1    | MH 179  | KUL - CMB | 2235 | 2335 |
| 6    | MH 178  | CMB - KUL | 0040 | 0655 |
| 1    | AK 45   | KUL - CMB | 0825 | 0925 |
| 6    | AK 46   | CMB - KUL | 1025 | 1635 |

## Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket menaiki kereta api dari Nuwara Eliya to Ella.
- Penginapan hotel 5 malam bertaraf 3\* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket masuk ke tempat lawatan: Pinnawala Elephant Orphanage, Cultural Dance Show, Gregory Lake.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih profesional.
- Tip untuk tour leader, tour guide dan pemandu bas persiaran.

## Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.